



**GARIS PANDUAN PERTANDINGAN INOVASI JABATAN  
MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM  
TAHUN 2020**

---

## **GARIS PANDUAN PERTANDINGAN INOVASI JABATAN MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM TAHUN 2020**

---

### **1. PENDAHULUAN**

Garis panduan ini bertujuan sebagai panduan peserta untuk menyertai Pertandingan Inovasi anjuran Jabatan Majlis Daerah Sabak Bernam tahun 2020.

### **2. OBJEKTIF**

- 2.1 Meningkatkan pemikiran inovatif dan kreatif dikalangan kakitangan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB);
- 2.2 Mengenalpasti dan mencipta produk inovasi yang boleh diketengahkan bagi memberi faedah serta impak yang positif kepada MDSB;
- 2.3 Menggalakkan warga kerja MDSB dalam melaksanakan pelbagai pembaharuan dan penambahbaikan yang berimpak tinggi dalam organisasi MDSB;
- 2.4 Meningkatkan semangat berpasukan dan membudaya kreativiti dalam organisasi MDSB; dan
- 2.5 Menyumbang pengiktirafan amalan terbaik serta peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan sebagai *platform* perkongsian inovasi dalam organisasi MDSB.

### **3. SASARAN PENYERTAAN**

- 3.1 Penyertaan dimestikan kepada setiap jabatan, bahagian dan unit MDSB bagi menyumbang sekurang-kurangnya satu produk inovasi untuk dipertandingkan;
- 3.2 Walau bagaimanapun penetapan kepada bahagian dan unit yang mempunyai bilangan kakitangan kurang daripada tiga orang boleh membuat gabungan kumpulan inovasi; dan

- 3.3 Bilangan ahli kumpulan inovasi adalah seramai empat hingga lapan orang.

#### **4. CADANGAN PELAKSANAAN PERTANDINGAN INOVASI MDSB**

Tarikh: 5 Mei 2020 (Selasa)  
Tempat: Dewan Seri Bernam, Sungai Besar  
Masa: 8.30 pagi hingga 1.00 petang

#### **5. SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN**

- 5.1 Penyertaan terbuka kepada semua kakitangan MDSB untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan Inovasi Jabatan MDSB tahun 2020 dengan menggunakan borang pertandingan rasmi;
- 5.2 Cetusan idea bagi produk/hasil inovasi mestilah daripada ciptaan asli peserta dan tidak meniru/menciplak mana-mana produk/hasil inovasi yang lain;
- 5.3 Peserta perlu mengemukakan borang permohonan bersama empat salinan dokumen berkaitan hasil produk inovasi yang mengandungi:
- 5.3.1 Tajuk produk/hasil inovasi;
  - 5.3.2 Nama peserta/kumpulan;
  - 5.3.3 Pengenalan jabatan/bahagian/unit kumpulan;
  - 5.3.4 Penerangan Hasil Inovasi:
    - Ringkasan hasil inovasi;
    - Tarikh inovasi dihasilkan;
    - Tujuan projek inovasi;
    - Proses pelaksanaan inovasi;
    - Proses sebelum dan selepas;
    - Elemen penurunan kuasa (jika ada);
    - Kumpulan sasaran dan skop liputan;
    - Impak inovasi terhadap kumpulan sasar;
      - Elemen inovatif/kreatif
      - Elemen keberkesanan
      - Elemen signifikan

- Elemen relevan
- Pengiktirafan (jika pernah menyertai pertandingan)
- Gambar-gambar berkaitan
- Implikasi kewangan (jika ada)

#### 5.3.5 Penutup.

- 5.4 Penggunaan bahan-bahan kitar semula/terbuang adalah sangat digalakkan;
- 5.5 Penggunaan sebarang perisian adalah dibenarkan tetapi ia tertakluk kepada undang-undang berkaitan pengkomputeran sedia ada yang terpakai; dan
- 5.6 Keputusan Panel Penilai/Juri adalah muktamad dan sebarang bantahan adalah tidak dibenarkan.

### 6. TATACARA PERMOHONAN

- 6.1 Setiap penyertaan perlu menggunakan borang rasmi yang disediakan dan hendaklah dikemukakan kepada urus setia pertandingan di Unit Kualiti dan Inovasi, Jabatan Khidmat Pengurusan, MDSB sebelum atau pada **20 April 2020**;
- 6.2 Penyertaan mestilah mempunyai perkara-perkara berikut:
  - (a) Borang Penyertaan (Lampiran A);
  - (b) 4 Salinan Dokumen/Buku Laporan Produk/Hasil Inovasi (Lampiran B); dan
- 6.3 Pihak urus setia berhak menolak mana-mana penyertaan yang tidak mematuhi syarat-syarat penyertaan dan pertandingan.

### 7. PROSES PENILAIAN

- 7.1 Semua penyertaan akan melalui proses penilaian ditapak pameran yang telah disediakan oleh urus setia. Peserta perlu memastikan produk/hasil inovasi berada di tempat pameran mengikut masa yang ditetapkan dan mengadakan pameran sepanjang tempoh pertandingan berlangsung;
- 7.2 Para peserta perlu menyediakan kelengkapan dan peralatan-peralatan yang berkaitan terutamanya produk/hasil inovasi yang

- dipertandingkan. Tapak dan peralatan asas bagi ruang pameran akan disediakan oleh pihak urus setia;
- 7.3 Panel penilai akan membuat penilaian dan menentukan produk/hasil inovasi terbaik mengikut komponen penilaian seperti berikut:
- (a) Keaslian produk/hasil inovasi;
  - (b) Kreatif/inovatif;
  - (c) Tahap penggunaan/aplikasi produk/hasil inovasi;
  - (d) Impak penggunaan produk/hasil inovasi.
- 7.4 Setiap peserta dimestikan membuat persembahan/demonstrasi produk kepada Panel Penilai dan bersedia menjawab semua pertanyaan dan soalan yang dikemukakan dan memberikan sebarang maklum balas yang diperlukan. Setiap peserta akan diberikan masa selama 10 minit untuk melaksanakan sesi persembahan/demonstrasi produk.

## **8. KRITERIA PENILAIAN**

Penilaian dan pemarkahan pertandingan akan mengambil kira komponen seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Kriteria Pemarkahan</b>	<b>Markah (%)</b>
1.	Idea	25
2.	Produk	30
3.	Faedah/Impak	40
4.	Persembahan	5
<b>Markah Keseluruhan</b>		<b>100</b>

## **9. BENTUK HADIAH/ PENGHARGAAN**

Hadiah dan ganjaran akan diberikan kepada penyertaan yang mendapat tiga markah tertinggi mengikut kedudukan tempat pertama, kedua dan ketiga serta saguhati kepada semua penyertaan seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Kedudukan Tempat</b>	<b>Hadiah</b>
1.	Pertama	RM 1,000.00 dan Sijil Penghargaan
2.	Kedua	RM 700.00 dan Sijil Penghargaan
3.	Ketiga	RM 500.00 dan Sijil Penghargaan
4.	Saguhati	Sijil Penghargaan

Disediakan oleh:  
Bahagian Pentadbiran,  
Jabatan Khidmat Pengurusan,  
Majlis Daerah Sabak Bernam.

Zla....GarisPanduanPertandinganInovasi2020

**LAMPIRAN A**



**MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM**

**BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN INOVASI PERINGKAT JABATAN  
TAHUN 2020**

**MAKLUMAT AHLI KUMPULAN INOVASI**

**NAMA KUMPULAN:** \_\_\_\_\_

**KETUA:** \_\_\_\_\_

**AHLI KUMPULAN:** 1) \_\_\_\_\_  
2) \_\_\_\_\_  
3) \_\_\_\_\_  
4) \_\_\_\_\_  
5) \_\_\_\_\_  
6) \_\_\_\_\_  
7) \_\_\_\_\_

**JABATAN/UNIT:** \_\_\_\_\_

**MAKLUMAT PROJEK INOVASI**

**TAJUK PROJEK  
INOVASI:** \_\_\_\_\_

**RINGKASAN  
PROJEK INOVASI:** \_\_\_\_\_

**LAMPIRAN B**



**MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM**

**LAPORAN HASIL INOVASI PERTANDINGAN INOVASI PERINGKAT JABATAN  
TAHUN 2020**

1.0 Tajuk Inovasi:

2.0 Nama Peserta/Kumpulan:

3.0 Pengenalan jabatan/bahagian/unit kumpulan:

4.0 Penerangan Hasil Inovasi

4.1 Ringkasan Hasil Inovasi

4.2 Tarikh Inovasi Dihadarkan

4.3 Tujuan projek inovasi

4.4 Proses Pelaksanaan Inovasi

4.5 Proses Sebelum Dan Selepas

4.6 Elemen Penurunan Kuasa

4.7 Kumpulan Sasar Dan Skop Liputan

4.8 Impak Inovasi Terhadap Kumpulan Sasar

o Elemen Inovatif/Kreatif

a) Penciptaan nilai/element baru/tambah baik

b) Elemen mempermudahkan/penyelesaian masalah

o Elemen keberkesanan

a) Gambar faedah yang nyata diperolehi

b) Peningkatan produktiviti/kepuasan

c) Penjanaan pendapat (sekiranya berkaitan)

o Elemen Signifikan

a) Bagaimana perkhidmatan boleh mesra pelanggan

- b) Penjimatan masa/kos/sumber manusia
  - c) Sejauh mana iaanya memenuhi objektif inisiatif ini diambil
- o Elemen Relevan
    - a) Sumbangan kepada agenda organisasi/nasional

#### 4.9 Pengiktirafan Diterima

#### 4.10 Gambar Berkaitan

#### 4.11 Implikasi Kewangan (jika ada)

### 5.0 Penutup

Disediakan oleh:

Nama:

Jawatan/Jabatan:

Emel:

Tarikh: